

## **BAB 9 : MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA**

### **9.2.3 MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN SERANTAU**

#### **PILIHAN SOALAN 1, 2 DAN 3 (pilih mana yang betul)**

#### **SUB TOPIK 1: DASAR LUAR MALAYSIA**

##### **(a) Latar belakang dasar luar Malaysia/ kepentingan/matlamat dasar luar Malaysia**

- Malaysia mempunyai dasar luarnya yang tersendiri iaitu berbaik-baik dengan semua negara
- Kepentingan dasar luar Malaysia merujuk padamaksud yang ingin dicapai oleh Malaysia
- Antaranya untuk menjamin keselamatan rakyat dan negara
- Untuk memelihara kepentingan nasional dan mengekalkan kedaulatan negara
- Untuk menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi
- Untuk mengekalkan keamanan sejagat melalui kerjasama antarabangsa
- Untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia

##### **(b) Bentuk hubungan luar Malaysia**

- Malaysia melaksanakan dua bentuk hubungan luar dengan negara-negara lain
- iaitu hubungan bilateral dan hubungan multilateral
- Hubungan bilateral merujuk pada hubungan secara terus dengan negara-negara tertentu Contohnya hubungan dengan negara-negara jiran antaranya termasuklah Singapura, Indonesia, Thailand dan Vietnam
- Selain itu hubungan luar juga diadakan dengan negara Asia yang lain, Amerika Latin, Afrika, Asia Barat serta negara maju yang lain seperti Britain dan Amerika Syarikat
- Hubungan multilateral merujuk pada hubungan dalam bentuk kumpulan dan pertubuhan seperti ASEAN, Komanwel, Pertubuhan Persidangan Islam(OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan sebagainya

##### **(c) Faktor-faktor penggubalan dasar luar**

- Faktor sejarah
- Kesultanan Melayu Melaka telah menjalinkan hubungan dengan negara luar
- Contoh China, Arab, Siam dan negeri-negeri di Kepulauan Melayu
- Hubungan ini berbentuk hubungan perdagangan
- Pada masa ini terjalin hubungan Melayu serumpun di Kepulauan Melayu
- Contoh hubungan antara Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia
- Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia menyertai Pertubuhan Komanwel
- Malaysia juga meneruskan hubungan diplomatik dengan Britain dan negara Komanwel lain seperti Australia dan New Zealand
- Pada masa itu, Malaysia diancam oleh Parti Komunis Malaya (PKM)
- Ancaman ini menggugat keselamatan Malaysia
- Keadaan ini mendorong Malaysia mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dan anti komunis
- Pada masa yang sama, Malaysia masih bergantung kepada kuasa Barat
- Malaysia belum mempunyai keupayaan pertahanan

- Faktor ekonomi
- Malaysia merupakan negara yang mengamalkan pasaran bebas
- Malaysia juga menjalinkan hubungan baik dengan negara lain dalam usaha memajukan ekonominya
- Sejak zaman penjajahan British lagi, Malaysia merupakan negara pengeluar bijih timah dan getah
- Pada masa ini telah terjalin hubungan ekonomi antara Malaysia dengan negara maju seperti Britain dan Amerika Syarikat
- Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia masih mengharapkan pasaran juga modal dari negara-negara tersebut
- Beberapa langkah telah diambil bagi menggalakkan kemasukkan pelaburan asing
- Langkah ini diharapkan dapat meningkatkan ekonomi negara di samping menyediakan peluang pekerjaan.
- Menjelang tahun 1980-an, melalui Dasar Pandang ke Timur, pelaburan asing juga digalakkan dari negara-negara di Timur terutamanya Jepun dan Korea
- Pada masa yang sama, Malaysia menjalin hubungan baik dengan negara-negara sedang membangun dan juga negara-negara Islam bagi meningkatkan pasaran barangan keluaran Malaysia di samping mengadakan pelaburan di negara berkenaan.
- Faktor politik
- Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, Malaysia berhak menentukan hala tuju masa depannya sendiri berdasarkan prinsip keamanan sejagat
- Ini jelas terpapar dalam dasar luar Malaysia yang menekankan pemeliharaan kedaulatan negara-negara lain.
- Contohnya, dasar Malaysia yang menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di rantau AsiaBarat
- Malaysia berpegang teguh pada prinsip-prinsip dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memelihara keamanan dunia
- Malaysia tegas dengan pendiriannya menyokong semua resolusi yang telah diambil oleh PBB bagi mencapai dan mengekalkan keamanan dunia
- Faktor geografi
- Malaysia mempunyai kedudukan yang strategik di Asia Tenggara
- Malaysia bersempadan dengan hampir kebanyakan negara di rantau ini seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei
- Perairannya menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia
- Dengan ini, keselamatan negara serantau akan mempengaruhi dan meninggalkan kesan terhadap keselamatan Malaysia
- Faktor demografi
- Malaysia telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara Islam sejajar dengan penduduknya yang majoriti beragama Islam
- Malaysia tidak menjalinkan hubungan dengan Israel disebabkan dasar negara berkenaan yang menceroboh dan menindas peribumi Palestin
- Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama juga diberi kebebasan sepenuhnya mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing
- Amalan konsep perpaduan dan sikap komited terhadap hak asasi manusia menyebabkan Malaysia menentang dasar Apartheid
- Malaysia tidak menjalinkan hubungan dengan Afrika Selatan sehinggalah Afrika Selatan

menghapuskan Dasar Apartheid

- Faktor kepelbagaian kaum di Malaysia mempengaruhi hubungan serantau Malaysia

#### **(d) Perkembangan Dasar Luar Malaysia.**

- Perkembangan dasar luar Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga tahap seperti yang berikut.

- **Tahap Pertama**

- Dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman (1957-1970)
- Dasar luar Malaysia pada tahap pertama memperlihatkan dasar pro-Barat yang anti-komunis serta berbaik-baik dengan jiran dan negara Komenvel.
- Dasar luar berkenaan disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial
- Faktor politik merujuk pada ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara dan juga di dalam negara melalui Parti Komunis Malaya.
- Oleh itu, Malaysia memerlukan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel terutama Britain, Australia dan New Zealand.
- Bagi menyekat perkembangan pengaruh komunis, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu (AMDA) pada tahun 1956 dengan British.
- Mengikut perjanjian ini pihak British akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang oleh mana-mana negara
- Dasar luar Malaysia juga adalah berbaik-baik dengan jiran
- Hal ini disebabkan timbulnya krisis dengan negara-negara jiran terutama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan seperti konfrontasi dengan Indonesia (1963-1965), terputusnya hubungan dengan Filipina (1963-1965) dan keluarnya Singapura daripada Malaysia (1965)
- Usaha-usaha untuk memelihara hubungan dengan negara jiran terbukti melalui beberapa perjanjian
- Malaysia telah menandatangani perjanjian menubuhkan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) pada tahun 1961 bersama-sama Thailand dan Filipina, MAPHILINDO pada tahun 1962 bersama-sama Indonesia dan Filipina serta ASEAN pada tahun 1967 bersama-sama Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura
- Faktor ekonomi pula memperlihatkan pergantungan Malaysia kepada Britain kerana Malaysia dalam menjaga kepentingan ekonomi negara ini.
- Pertama, hal ini disebabkan Malaysia merupakan anggota blok sterling yang menjalankan urusan perdagangan dalam nilai mata wang paun sterling.
- Kedua, Malaysia masih memberikan tumpuan kepada dua hal utamanya iaitu bijih timah dan getah dengan mengharapkan sepenuhnya permintaan Barat termasuk Britain
- Ketiga, pelabur Britain masih menguasai peratus yang besar dalam ekonomi Malaysia terutama dalam bidang perladangan dan perindustrian
- Bagi mengurangkan pergantungan ini, Malaysia yang mengamalkan pasaran bebas mula membina rangkaian perdagangan dengan negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun, Singapura, Jerman Barat bagi mengurangkan pergantungan kepada Britain dan juga mencari pasaran baru

- **Tahap Kedua**

- semasa pemerintahan Tun Abdul Razak (1972-1976) dan Tun Hussein Onn (1972-1976)
- Menjelang tahun 1970-an dasar luar Malaysia mula berubah kepada dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara.

- Perubahan dasar luar ini disebabkan kurangnya peranan yang dimainkan oleh AMDA dan kurangnya pengaruh Britain di Timur
- Perubahan dasar ini juga disebabkan oleh pergolakan yang berlaku di Vietnam yang melibatkan dua buah kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China
- Dalam mencapai matlamat dasar luar Malaysia, beberapa usaha telah dilakukan seperti mengisytiharkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) bersama-sama dengan anggota negara ASEAN
- Malaysia juga menjalin hubungan dengan negara berfahaman komunis seperti China, Jerman Timur, Korea Utara, Vietnam Utara dan Mongolia.
- Keinginan Malaysia menjalin persahabatan dengan semua negara khususnya dengan negara jiran jelas dapat dilihat apabila Malaysia mengadakan hubungan diplomatic dengan Vietnam pada tahun 1976.
- Masalah pelarian Vietnam di Malaysia dapat diatasi dengan kerjasama negara-negara jiran
- **Tahap Ketiga**
- dilaksanakan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003)
- Dasar luar Malaysia pada tahap ini telah mengekalkan dasar-dasar tahap kedua tetapi memberikan penekanan kepada kepentingan ekonomi.
- Kepentingan ini berkaitan dengan isu-isu perdagangan, pelaburan dan pembangunan terutama di kalangan negara membangun
- Dalam usaha untuk mencapai matlamat dasar tersebut, Malaysia telah mengadakan hubungan yang lebih erat dengan negara-negara ASEAN seperti menyelesaikan krisis Vietnam dan Kampuchea
- Di samping itu, Dasar Pandang ke Timur telah diperkenalkan pada tahun 1982 dengan menjadikan Jepun dan Korea Selatan sebagai model bagi membangunkan negara Malaysia
- Dasar ini bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia mengambil dan menerima pakai nilai-nilai yang baik seperti semangat mencintai negara, kesungguhan dalam perkerjaan dan etika pengurusan kerja yang baik
- Malaysia juga telah mempertingkatkan hubungan dua hala dengan negara-negara lain menerusi lawatan Dato' Seri Dr. Mahathir ke Afrika, Amerika Selatan, Caribbean dan Pasifik Selatan
- Dalam setiap siri lawatannya, misi perdagangan Malaysia akan turut serta dan menandatangani perjanjian perdagangan dua hala yang menguntungkan kedua-dua pihak.
- Beliau percaya Malaysia bukan sahaja harus menjalin hubungan diplomatic dan perdagangan dengan negara maju malah dengan negara Dunia Ketiga juga

## **SUB TOPIK 2: MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN SERANTAU**

### **(a) Maksud pertubuhan serantau**

- Pertubuhan serantau merupakan satu pertubuhan yang anggotanya terdiri daripada negara-negara yang berjiran antara satu sama lain.
- Pembentukan pertubuhan ini adalah untuk kepentingan politik, ekonomi dan sosial

- Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, terdapat tiga pertubuhan serantau yang telah dibentuk dan disertainya iaitu ASA pada tahun 1961, MAPHILINDO pada tahun 1963 dan ASEAN pada tahun 1967

### **(b) Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA)**

- Sejak mencapai kemerdekaan, negara kita dan juga negara-negara serantau diancam hebat oleh pengaruh komunis
- Di Malaysia, pergerakan PKM telah memainkan peranan penting menyebarkan pengaruh fahaman komunis di kalangan rakyat
- PKM telah diharamkan oleh kerajaan dan ini menyebabkan ahli-ahlinya melancarkan gerakan gerila bagi menjatuhkan kerajaan
- Di negara-negara jiran, ancaman komunis juga hebat terutamanya di Thailand yang bersempadan dengan Malaysia
- PKM telah menggunakan sempadan MalaysiaThailand sebagai pangkalan gerakan gerila mereka dan ini menyukarkan usaha kedua-dua negara untuk melemahkan dan seterusnya menghapuskan gerakan komunis.
- Begitu juga dengan negara Filipina yang turut diancam oleh pengaruh komunis
- Malaysia ingin mengadakan kerjasama dengan negara-negara jiran agar dapat membendung pengaruh dan gerakan PKM
- Penubuhan ASA hasil cadangan Tunku Abdul Rahman.
- Pada 31 Julai 1961, satu mesyuarat diadakan di Bangkok antara Malaysia dengan Thailand dan Filipina
- Hasilnya ASA telah dibuhkan
- Pertubuhan ini diharapkan dapat melindungi negara-negara anggota daripada ancaman komunis
- Pemubuhan ASA juga bertujuan menjalinkan kerjasama ekonomi, sains dan sosial
- ASA juga bertujuan memberi dan menyediakan kemudahan latihan dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi di kalangan negara-negara anggota
- Selain itu bermatlamat untuk mengekalkan serta menjamin keselamatan dan kestabilan politik negara-negara serantau.
- Walau bagaimanapun, matlamat tersebut tidak banyak dicapai kerana tiada kerjasama yang erat
- ASA juga dianggap sebagai pertubuhan antipemerintahan Presiden Soekarno di Indonesia di Indonesia.
- Kesangsian ini timbul kerana Malaysia mempunyai perjanjian ketenteraan dengan Britain
- Sementara Thailand dan Filipina mempunyai perjanjian ketenteraan dengan Amerika Syarikat
- Pertelingkan antara Malaysia dan Filipina berkaitan penubuhan Malaysia akhirnya membawa kepada pembubaran ASA pada tahun 1963

### **(c) Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO)**

- MAPHILINDO merupakan cantuman nama tiga negara iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia

- Tujuan utama penubuhannya adalah untuk meningkatkan perhubungan persahabatan dan menyelesaikan pertelingkahan Malaysia-Filipina dan Malaysia-Indonesia.
- Pertelingkahan yang timbul akantara Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut adalah disebabkan oleh cadangan pembentukan Malaysia
- Indonesia tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia kerana Presiden Soekarno menganggap pembentukan Malaysia sebagai satu neokolonisme atau penjajahan bentuk baru
- Tentang Filipina pula adalah kerana negara tersebut menuntut Sabah yang didakwanya hak milik negara mereka.
- Bagi menyelesaikan pertelingkahan ini, Malaysia mengadakan langkah mengadakan rundingan dengan Filipina dan Indonesia.
- Rundingan ini akhirnya membawa kepada penubuhan MAPHILINDO.
- Ketiga-tiga negara bersepakat memohon bantuan PBB untuk mendapatkan pandangan rakyat Sarawak dan Sabah tentang penubuhan Malaysia.
- PBB telah menghantar wakilannya pada tahun 1963 untuk meninjau padangan rakyat Sabah dan Sarawak
- Hasilnya, majority rakyat di kedua-dua negeri berkenaan bersetuju dan menyokong pembentukan Malaysia
- Indonesia dan Filipina kurang berpuas hati dengan hasil siasatan PBB dan terus menentang pembentukan Malaysia.
- Persengketaan yang berterusan ini menyebabkan MAPHILINDO tidak berperanan lagi.

### **c) Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)**

#### Latar belakang penubuhan ASEAN

- Hasrat Malaysia untuk berbaik-baik dan mengadakan kerjasama dengan negara-negara jiran tetap diteruskan walaupun dua buah pertubuhan yang dibentuk sebelum ini iaitu ASA dan MAPHILINDO gagal dan tidak bertahan lama
- Usaha ini akhirnya berhasil dengan termeterainya Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967 yang membawa kepada penubuhan ASEAN.

#### Matlamat pembentukan ASEAN

- ialah mengekalkan kestabilan politik di Asia Tenggara
- membantu negara antara satu sama lain dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan
- meningkatkan taraf hidup penduduk melalui kerjasama dalam bidang pertanian, perdagangan dan perindustrian
- memberikan kerjasama dan membantu dalam bentuk latihan dan penyelidikan
- mengadakan hubungan yang erat dengan persatuan atau pertubuhan serantau dan antarabangsa.

### iii) Keanggotaan

- Keanggotaan ASEAN pada ketika itu terdiri daripada lima buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura.
- Jumlah anggotanya bertambah menjadi sepuluh apabila kesemua negara di Asia Tenggara menjadi ahli
- Negara-negara berkenaan ialah Vietnam, Myanmar, Brunei, Laos dan Kampuchea.
- Negara Papua New Guinea telah dilantik sebagai pemerhati kepada negara ini terletak bersempadan dengan Indonesia tetapi bukan di dalam zon Asia Tenggara

### Logo ASEAN

- terdiri daripada sepuluh tangkai padi mempamerkan impian pengasasan ASEAN iaitu sepuluh buah negara di Asia Tenggara yang diikat oleh semangat persahabatan dan perpaduan
- Bulatan pula ialah membayangkan semangat bersatu padu dalam ASEAN

### Moto ASEAN

- adalah keamanan, kestabilan, kegigihan, kedinamikan, kesucian dan kemakmuran

### Struktur pentadbiran ASEAN

- Kerjasama antara negara anggota ASEAN semakin teguh hingga ke hari ini dan bagi memastikan perjalannya yang lancar, struktur pentadbiran ASEAN dibentuk
- Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN mengadakan mesyuarat setahun sekali
- Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN diadakan sebanyak setahun dua kali
- Sidang kemuncuk ASEAN akan diadakan mengikut keperluan
- Sekretariat Tetap ASEAN beribu pejabat di Jakarta , Indonesia
- ASEAN terdiri daripada dua jawatankuasa tetap
- Jawatankuasa Tetap Sosial terdiri daripada Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan, Jawatankuasa Sains dan Teknologi dan Jawatankuasa Pembangunan dan Sosial
- Jawatankuasa Tetap Ekonomi terdiri daripada Jawatankuasa Kewangan dan Urusan Bank, Jawatankuasa Perindustrian, Galian dan Tenaga, Jawatankuasa Makanan, Pertanian dan Perhutanan dan Jawatankuasa Perhubungan dan Pengangkutan

### **Peranan dan Sumbangan Malaysia dalam ASEAN**

- ASEAN dapat dilihat sebagai asas yang kuat dalam menjalinkan kerjasama serantau.
- Jika dilihat dari awal penubuhannya hingga kini, banyak rancangan yang berjaya dilaksanakan demi kebaikan bersama
- Dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur pada bulan November 1971, satu deklarasi bersama telah ditandatangani oleh semua negara anggota yang dikenali sebagai Deklarasi Kuala Lumpur 1971
- Mereka sepakat mengisytiharkan ASEAN sebagai zon aman, bebas dan berkecuali ( ZOPFAN).

- Tujuan ZOPFAN adalah untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di Asia Tenggara
- tidak bersekongkol dengan mana-mana blok Barat atau Blok Timur bagi mengelakkan campur tangan kuasa-kuasa besar
- Walau bagaimanapun, konsep ZOPFAN ini teruji apabila Vietnam menceroobh Kampuchea pada tahun 1978 dan menjatuhkan kerajaan Khmer Rouge.
- ASEAN telah berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan satu mesyuarat bagi membentuk kerajaan Demokratik Campuran Kampuchea di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk.
- Vietnam telah bersetuju dengan cadangan berkenaan dan mesyuarat ini telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1982
- Dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar pada tahun 1984 telah memutuskan bahawa ASEAN ialah Zon Bebas Senjata Nuklear.
- Ini bermakna rantau ini tidak akan membenarkan mana-mana kapal menggunakan perairan dan kemudahan pelabuhannya untuk mengangkut bahan atau senjata nuclear
- Pengisytiharan ini menunjukkan kepada dunia akan komitmen negara-negara ASEAN terhadap konsep ZOPFAN
- Negara-negara ASEAN telah membentuk kerjasama dalam projek-projek perindustrian
- Contohnya projek baja urea di Bintulu (Sarawak ) serta di Aceh (Indonesia)
- Kerjasama ekonomi ASEAN cuba difikirkan melalui zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang telah diumumkan dalam Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura pada tahun 1992.
- Malaysia juga telah mengemukakan idea melalui ASEAN untuk memperluas skop kerjasama ekonomi bagi rantau sebelah sini yang melibatkan China, Jepun dan Korea Selatan.
- Idea ini telah dikemukakan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir dinamakan Perundingan Ekonomi Asia Timur ( EAEC)
- Walau bagaimanapun, idea ini telah ditentang oleh negara-negara maju terutama Amerika Syarikat
- Tetapi usaha ini tidak dibiarkan begitu sahaja kerana kerjasama secara tidak rasmi tetap terus diadakan melalui konsep ASEAN + 3
- Konsep ASEAN + 3 ini merujuk pada kerjasama yang ingin diwujudkan antara negara ASEAN dengan negara-negara timur iaitu China, Jepun dan Korea.
- Menteri-Menteri Luar negara-negara ini dijemput menghadiri siri perbincangan tentang kerjasama yang ingin diwujudkan
- Kerjasama dalam bidang pendidikan juga wujud dengan tertubuhnya Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO) yang memberi tumpuan kea rah kerjsama dalam semua bidang yang berkaitan
- Contohnya pembinaan Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RESCAM) di Pulau Pinang, Malaysia
- Kerjasama lain yang dibuat atas semangat kerjasama ASEAN adalah dalam bidang kebudayaan dan sosial seperti mengadakan festival kebudayaan dan kesenian dengan menubuhkan Tabung Kebudayaan ASEAN,
- Selain itu pertukaran rancangan televisyen dan radio dijalankan.



- Sukan SEA juga diadakan untuk merapatkan hubungan antara negara melalui semangat kesukuan.
- Dalam bidang pelancongan kerjasama dijalinan dengan mengadakan Tahun Melawat ASEAN pada tahun 1992.
- Malaysia telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan kerjasama serantau melalui dasar berbaik-baik dengan jiran.

### **PILIHAN SOALAN 4, 5, 6, DAN 7**

**( Pelajar boleh memilih jawapan yang sesuai mengikut kehendak soalan daripada pilihan jawapan dari soalan 4,5,6 dan 7)**

### **SOALAN 4 ( MENGAPLIKASI )**

1. Malaysia telah mewujudkan kerjasama serantau melalui dasar berbaik-baik dengan negara jiran. Jelaskan **kepentingannya kepada Malaysia**.

Kepentingan kerjasama serantau kepada Malaysia ialah :

- Mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja
- Dapat mengetengahkan budaya rakyat Malaysia
- Dapat meningkatkan kualiti pendidikan
- Menjayakan k-ekonomi
- Mempamerkan kewibawaan pemimpin negara
- Mempromosi negara sebagai destinasi pelancongan
- Mengekalkan kestabilan politik negara serantau.
- Meningkatkan kerjasama ekonomi
- Meningkatkan kerjasama sains dan teknologi
- Menarik kemasukan pelabur-pelabur asing
- Memajukan bidang perindustrian negara
- Memajukan bidang perladangan negara
- Pertukaran teknologi dan kepakaran
- Membantu mengekalkan keamanan serantau
- Membina semangat setiakawan
- Menjalin kerjasama dalam bidang perubatan
- Mewujudkan perdagangan dua hala
- Membantu meningkatkan prasarana negara serantau

2. Bagaimanakah dasar berbaik-baik dengan semua negara dapat memajukan Malaysia?

Dasar berbaik-baik dengan semua negara dapat memajukan negara dengan:

- Menarik pelabur asing dalam sektor perkilangan
- Kerjasama dalam sektor automotif dengan syarikat Jepun
- Kerjasama pengeluaran makanan (FAO)
- Kerjasama dalam bidang perubatan
- Meningkatkan pelaburan dalam sektor pertanian
- Menarik kedatangan pelancong ke negara kita
- Menggalakkan kemasukan pelajar dari negara serantau ke negara kita
- Memajukan bidang perindustrian negara
- Memajukan bidang perladangan negara
- Pertukaran teknologi dan kepakaran

3. Mengapakah Malaysia perlu **terus menjalin hubungan baik** dengan negara luar ?

Malaysia perlu terus menjalin hubungan baik dengan negara luar kerana :

- Dapat mengekalkan kestabilan politik serantau
- Dapat meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi
- Dapat menarik kemasukan pelabur asing
- Dapat memajukan bidang perindustrian negara
- Dapat memajukan bidang perladangan negara
- Dapat meluaskan pasaran eksport keluaran negara
- Dapat mengekalkan persefahaman
- Dapat mengelakan krisis antara negara
- Dapat meneruskan hubungan diplomatik dengan negara serantau
- Dapat membina semangat setiakawan
- Dapat bertukar-tukar teknologi dan kepakaran

4. Bagaimanakah **pertukaran ilmu dan teknologi** dengan negara luar dapat menjana kemajuan negara?

Pertukaran ilmu dan teknologi dengan negara luar dapat menjana kemajuan negara dengan:

- Melahirkan masyarakat yang kreatif
- Melahirkan masyarakat yang berdaya saing
- Melahirkan insan yang inovatif
- Melahirkan warganegara yang berfikiran terbuka
- Meningkatkan pemikiran kreatif

- Meningkatkan pelbagai kemahiran
  - Menambah ilmu yang sedia ada
  - Meneroka bidang baharu
  - Bersedia menerima perubahan yang positif
  - Penciptaan dan penemuan baharu dalam bidang pertanian
  - Memajukan sektor perindustrian
  - Mempertingkatkan sektor pembuatan
  - Membina Menara Berkembar Petronas
  - Pengeluaran kereta Nasional seperti Proton Saga
  - Kemajuan sistem pengangkutan seperti LRT, Monorail
  - Melahirkan ahli sukan yang cemerlang seperti Dato Lee Chong Wei
  - Melahirkan angkasawan negara yang pertama seperti Dr. Sheikh Muzaffar Shukor
5. Sebagai masyarakat serantau yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda boleh **menyumbang kepada kesejahteraan** dalam kalangan negara serantau ?

Tindakan saya dalam usaha menyumbang kepada kesejahteraan dalam kalangan negara serantau ialah:

- Hidup bersatu padu
- Menghargai keamanan
- Saling memahami
- Bertolak ansur
- Menghormati hak asasi manusia
- Mematuhi undang -undang
- memulihara sungai/laut/ alam sekitar
- Mengelakkan pembakaran terbuka bagi atasi masalah jerebu
- Menolak gejala negatif
- Melibatkan diri dalam misi kemanusiaan
- Menyokong perjuangan rakyat Palestin
- Menolak pendekatan perkauman
- Menghindari penyalahgunaan dadah
- Menghindari pencerobohan kedaulatan negara-negara lain
- Mengelakkan peperangan dalam kalangan negara serantau
- mengamalkan semangat setiakawan bersifat sejagat
- mengelakkan campur tangan dalam urusan negara lain

## SOALAN PILIHAN NO 5 (MENILAI)

### Soalan pilihan 1.

Kejayaan Negara dalam isu Globalisasi

**Berdasarkan pemerhatian anda, nyatakan kejayaan yang dicapai oleh Negara kita dalam aspek globalisasi hari ini?**

Kejayaan yang dicapai oleh Negara kita dalam aspek globalisasi hari ini ialah :

- Menghormati kepelbagaian agama
- Contoh agama Islam /Kristian/Buddha/Hindu
- Menyelesaikan masalah melalui rundingan
- Contoh penubuhan MAPHILINDO
- Menggunakan ICT
- Contoh internet/sistem tv satelit (ASTRO)
- Memartabatkan kedudukan wanita
- Menyelesaikankonflik
- Contoh konfrontasi Malaysia- Indonesia
- Penganjuran sukan
- Contoh sukan komanwel/SEA/ASIA
- Mempelopori hab halal
- Peningkatan ilmu pengetahuan
- Contoh UIAM
- Pembentukan Negara demokrasi
- Membina mercu bina Negara
- Contoh KLCC / Menara KL
- Kepelbagaian budaya
- Memperkayakan bahasa / hasil kesusasteraan
- Kepelbagaian makanan
- Mengendalikan pelbagai bentuk perniagaan keperingkat antarabangsa
- Sistem perbankan Islam
- Contoh Bank Islam

### Soalan pilihan 2

Menilai kejayaan Malaysia

**Dasar luar Malaysia yang diamalkan sejak merdeka hingga kini telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah Negara yang dihormati khususnya di kalangan Negara serantau. Buktikan.**

Bukti yang telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati dikalangan negara serantau ialah :

- Negara aman
- Masyarakat bersatu padu
- Menyalurkan bantuan kenegara miskin /bencana
- Semangat sukarelawan yang tinggi
- Contoh bantuan kemanusiaan ke Aceh selepas Tsunami.
- Menghantar pasukan pendamai ke Negara yang bergolak contoh Timur Leste
- Menentang dengan lantang dasar apartheid
- Menentang tindakan Israel ke atas Palestine
- Menjadi orang tengah dalam perjuangan bangsa Moro di Filipina
- Memperjuangkan keamanan sejagat
- Negara Islam yang sederhana dan dihormati
- Mempunyai 116 pejabat kedutaan diseluruh dunia.
- Pengerusi pertubuhan dunia seperti NAM

### Pilihan 3

**Nyata kejayaan Malaysia memainkan peranan dalam pertubuhan serantau.**

Kejayaan Malaysia memainkan peranan dalam pertubuhan serantau ialah:

- Mengekalkan Negara-negara ASEAN sebagai zon Aman, Bebas dan berkecuali
- Menjadi orang tengah antara MILF dan kerajaan Filipina
- Malaysia bekerjasama dengan Thailand bagi mementeraikan perjanjian damai dengan PKM 1989.
- Malaysia menjadi orang tengah isu Myanmar.
- Mengemukakan konsep ASEAN + 3 iaitu kerjasama antara Negara ASEAN dengan Negara timur iaitu Jepun, China dan Korea Selatan.
- Pembinaan pusat serantau untuk sains dan matematik (RECSAM) di Pulau Pinang, Malaysia.
- Pemimpin Malaysia dilantik sebagai pemimpin diperingkat ASEAN seperti setiausaha AFF (Asean Football Federation- Datuk Azzuddin)
- Malaysia menjadi tuan rumah sukan SEA
- Malaysia melancarkan tahun melawat ASEAN .
- Malaysia menganjurkan Festival Filem ASEAN

### Pilihan 4

**Dasar luar yang diamalkan oleh Malaysia telah membawa kemakmuran kepada Negara kita. Buktikan.**

Bukti yang menunjukkan dasar luar yang membawa kemakmuran kepada Malaysia ialah:

- Pasaran luas
- Kemasukan modal luar Negara
- Pelaburan Negara meningkat
- Perdagangan antarabangsa meningkat
- Negara bertambah maju
- Harga getah/kelapa sawit stabil
- Pertukaran teknologi
- Kerjasama kepakaran
- Berjaya mengatasi masalah ketidakstabilan nilai matawang.
- Berjaya mengatasi kemelesetan ekonomi
- Negara aman dan makmur
- Ekonomi stabil
- Tiada peperangan.
- Menjadi tumpuan pekerja asing
- Pusat kecemerlangan pendidikan.
- Tumpuan pelancong asing.

Pilihan 5

**Bincangkan kepentingan dasar luar Malaysia yang mengamalkan dasar terbaik-baik dengan semua Negara.**

Kepentingan dasar luar Malaysia yang mengamalkan dasar terbaik-baik dengan semua Negara ialah :

- Mengukuhkan pertahanan Negara
- Mengamalkan pasaran bebas
- Membantu Negara yang memerlukan
- Mengelakkan peperangan
- Bersahabat dengan semua Negara
- Menghapuskan diskriminasi
- Menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi
- Meluaskan pasaran
- Menghapuskan gejala negatif
- Mengekalkan kedaulatan Negara
- Mewujudkan keamanan sejagat melalui kerjasama antarabangsa
- Memajukan prasana dan infrastruktur
- Memajukan pendidikan
- Memajukan ekonomi Negara

- Menarik pelaburan asing

Pilihan 6

**Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia di peringkat global.**

Kejayaan Malaysia di peringkat global ialah

- Pembuatan automobile
- Kejayaan dalam sektor perkilangan
- Kejayaan dalam bioteknologi
- Kejayaan dalam industri perkapalan
- Pengeluar makanan halal dunia
- Menjalin hubungan baik dengan Negara maju
- Menyertai pertubuhan antarabangsa seperti Komanwel, PBB, NAM dan sebagainya
- Mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi
- Menghantar bantuan ke negara miskin
- Menghantar pasukan keselamatan ke negara yang bergolak
- Menjadi pusat kewangan Islam.
- Kejayaan dalam cari gali minyak

Pilihan 7

**Keanggotaan Malaysia dalam pelbagai pertubuhan di Asia Tenggara telah menjadi pemangkin kepada kejayaan negara. Jelaskan kejayaan tersebut?**

Kejayaan tersebut ialah :

- Keamanan negara terjamin
- Kedaulatan negara terpelihara
- Perkembangan ekonomi
- Wujudnya pakatan ekonomi /EAEC/ASEAN + 3/AFTA
- Menjadi rantau bebas daripada ancaman senjata nuklear
- Menjadi negara contoh dalam membanteras ancaman komunis
- Menjalin hubungan bilateral/ multilateral
- Malaysia menjadi hub halal
- Mewujud pasaran bebas
- Berjaya membina Pusat Serantau Sains Matematik / RECSAM
- Menubuhkan SITTDEC di Kuala Lumpur
- Menganjurkan sukan SEA
- Malaysia menjadi tuan rumah Sukan SEA
- Malaysia menganjurkan Festival Filem ASEAN

- Malaysia melancarkan Tahun Melawat ASEAN
- Malaysia menjadi orang tengah isu Myanmar

Pilihan 8

**Berdasarkan pemerhatian anda, kemukakan kejayaan yang dicapai oleh negara kita hasil hubungan dengan negara luar**

Kejayaan negara hasil hubungan luar Malaysia ialah:

- Penguasaan teknologi terkini
- Peningkatan ilmu pengetahuan
- Pembentukan negara demokrasi
- Kepelbagaian bentuk senibina
- Kepelbagaian budaya
- Memperkayakan bahasa
- Memperkayakan hasil kesusasteraan
- Kepelbagaian makanan
- Kecemerlangan dalam sukan
- Mengendalikan pelbagai bentuk perniagaan
- Penggunaan sistem komunikasi moden
- Meningkatkan pelbagai kemahiran
- Meneroka bidang baru
- Meningkatkan sektor pembuatan
- Pengenalan jalur lebar
- Dapat meneroka bidang baru
- Penciptaan dan penemuan baru dalam bidang pertanian
- Melahirkan warganegara yang berfikiran terbuka

Pilihan 9

**Berdasarkan pengetahuan Sejarah anda nyatakan kejayaan tokoh-tokoh Malaysia yang menyinari pentas dunia.**

**Tokoh-tokoh Malaysia telah berjaya menyinari pentas dunia ialah:**

- Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan negaradan merealisasikan pembentukan Malaysia dan digelar 'Bapa Kemerdekaan'
- Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein sumbangan nyamelaksanakan pembangunan negara melalui rancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan digelar 'Bapa Pembangunan'
- Tun Hussein Onn berjaya memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia dan digelar 'Bapa Perpaduan'



- Tun Dr Mahathir bin Mohamad di kenali sebagai 'BapaPemodenan' kerana kejayaan membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara industri baru
- Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi digelar 'Bapa Pembangunan Modal Insan' kerana menghasilkan modal insan sebagai asset terpenting untuk memacu kemajuan negara ke hadapan.
- Dato' Seri MohdNajib b Tun Abdul Razak digelar 'BapaTransformasi Malaysia kerana memperkenalkan PelanTransformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP)
- Tan Sri Razali Ismail dilantik menjadi Pengerusi Perhimpunan Agung PBB dan menjadi wakil khas PBB menjalankan usaha menyelesaikan masalah Palestin
- Dato" Malik Maidin berjaya berenang merentasi Selat Inggeris pada 3 Ogos 2003
- Angkasawan Malaysia yang pertama Dr Shukor Sheikh Mustapha telah dihantar ke Stesyen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada 10 Oktober 2007
- Mohandas dan Magendran berjaya dalam pendakitan di Gunung Everest
- Pelayaran Datuk Azhar Mansor mengelilingi dunia
- Dato' Sharifah Mazlina Berjaya merentasi Kutub Selatan
- Nicol Ann David pemain skuasy wanita nombor satu di dunia
- Datuk Lee Chong Wei melalui acara badminton
- Pandelega Rinong Pamg acara terjun

## 6. MENCIPTA DAN MENJANA IDEA

### Pilihan 1

**Bagaimanakah dasar luar negara kita dapat membantu mengelakkan konflik sedemikian?**

**Dasar luar negara kita dapat membantu mengelakkan konflik dengan:**

- Berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi
- Menghormati kedaulatan negara lain
- Tidak mencampuri urusan hal ehwal dalam negara lain
- Menyelesaikan konflik secara rundingan
- Mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai aspek
- Mengamalkan sikap toleransi
- Mengutamakan keamanan / keharmonian
- Mengelakkan persaingan senjata
- Berpegang teguh kepada piagam PBB
- Menghormati hak asasi manusia
- Menolak dasar apartheid
- Perihatin terhadap isu-isu kemanusiaan
- Menghormati kepelbagaian agama
- Pengamalan demokrasi
- Rasional / dinamik

Pilihan 2

**Malaysia terkenal dengan pelbagai idea bagi menjaga keamanan dan kesejahteraan serantau . Apakah cadangan anda untuk mengekalkan keamanan serantau?**

**Cadangan saya untuk mengekalkan keamanan serantau ialah:**

- Menjalin hubungan diplomatik dengan negara luar
- Tidak menganggotai pakatan tentera
- Berpegang pada piagam PBB
- Bekerjasama dalam semua bidang/politik/ekonomi /sosial
- Menghormati prinsip negara luar
- Mewujudkan semangat patriotisme di Malaysia
- Memupuk perpaduan antara kaum
- Mengelakkan perdebatan isu-isu sensitif
- Memilih pemimpin yang berwibawa
- Memberi penekanan terhadap nilai keagamaan/moral
- Mengamalkan prinsip Rukun Negara
- Menganjurkan bulan keamanan
- Mengamalkan konsep Satu Malaysia
- Mengamalkan semangat kekitaan/ muhibbah
- Menganjurkan program RIMUP

Pilihan 3

**Malaysia tidak terlepas dari masalah pertikaian dan perselisihan dengan Negara jiran.**

**Berikan cadangan anda untuk menghadapi masalah tersebut.**

Cadangan saya untuk menghadapi masalah tersebut ialah:

- menyelesaikan masalah melalui rundingan
- bertolak ansur
- kerjasama dengan Negara jiran
- memupuk nilai-nilai murni dikalangan rakyat
- memajukan ekonomi Negara
- memajukan sistem pendidikan
- mengukuhkan sistem pertahanan Negara.
- Mengadakan hubungan diplomatik
- Usahasama ketenteraan
- Usahasama ekonomi
- Diplomasi khususnya dalam tuntutan bertindih

- Mengekalkan dasar berkecuali
- Tidak melibatkan diri dalam masalah dalaman Negara jiran.
- Bertindak secara rasional
- Tidak mementingkan diri
- Jujur dan amanah

Pilihan 4

**(a)Apakah cabaran yang dihadapi oleh negara serantau dalam mempertingkatkan keamanan sejagat.**

Cabaran yang dihadapi oleh negara serantau dalam mempertingkatkan keamanan sejagat ialah:

- Persengketaan akibat salah faham .
- Berkongsi kepentingan atau sempadan.
- Pencerobohan nelayan asing dalam perairan negara.
- Isu keselamatan maritime seperti tuntutan bertindih antara beberapa Negara jiran seperti di selat Melaka, diperairan Johor,diperairan Gugusan Semarang Peninju (spratlys ), diperantauan Sulawesi dan juga ancaman penyusupan melalui Laut sulu oleh kumpulan militant abu Sayaf.
- Kemasukan pendatang asing tanpa izin.
- Demonstrasi jalanan.
- Menjana kemajuan Negara dari aspek politik,ekonomi dan social.
- Gejala rasuah.
- Penyeludupan dadah.
- Pemerdagangan manusia.
- Mendapat pengiktirafan dari negara maju.
- Masalah kemiskinan.
- Masalah pengangguran.
- Nilai mata wang turun naik.
- Teknologi atau kemudahan ICT terhad.
- Persaingan dari Negara-negara maju.
- Peluang menembusi pasaran antarabangsa.
- Pasaran terhad
- Tekanan nasionalisme agar Negara serantau diterima setaraf dengan Negara lain di dunia.
- Kemampuan kewangan yang terhad kerana Negara dalam keadaan serba kekurangan.Keadaan politik tidak stabil dan ekonomi yang begitu lemah.
- Rantau Asia merupakan rantau yang strategik tetapi lemah kerana kucar kacir dan berpecah belah.la merupakan tumpuan perebutan kuasa barat dengan komunis.
- Pelbagai isu yang timbul seperti perebutan sempadan.contoh:isu perebutan pulau batu putih antara Malaysia dengan singapura.
- Perbezaan pandangan ideology seperti Thailand terikat kuat dengan Amerika Syarikat, Filipina sebagai "Ranting Asia" Amerika Syarikat manakala Vietnam pula Nasional Komunis.

- Masalah PATI di Malaysia.
- Sektor buruh dimonopoli oleh warga asing. Contohnya di Malaysia. Terdapat ramai buruh asing yang bekerja di sektor pembinaan.
- Pengaliran wang negara ke negara luar.
- Tambakan laut oleh Singapura yang menyebabkan perairan Malaysia menjadi cetek.
- Penyeludupan subsidi minyak Malaysia ke Negara jiran iaitu Thailand.
- Masalah sosial yang dilakukan oleh warga asing.
- Ideologi politik yang berbeza dalam kalangan Negara ASEAN.
- Dasar luar yang berbeza dalam kalangan Negara ASEAN.
- Dijajah oleh kuasa barat yang berbeza.

**(b) Nyatakan langkah/cara Malaysia menghadapi cabaran tersebut.**

Langkah/cara Malaysia menghadapi cabaran tersebut ialah:

- Negara meningkatkan keupayaan dalam aspek keselamatan dan juga pertahanan maritime.
- Merealisasikan wawasan 2020.
- Menjayakan konsep 1 Malaysia.
- Melahirkan modal insane berkualiti.
- Memantapkan peranan masyarakat untuk mengatasi gejala social.
- Malaysia telah mencadangkan isu Antartika sebagai warisan dunia, Dasar pandang Ke Timur, Pelaburan Imbal balik untuk meletakkan Malaysia setaraf dengan dunia lain.
- Untuk mengatasi masalah ekonomi terdapat kerjasama dalam bidang ekonomi seperti dalam bidang perkapalan dan penerbangan.
- Pertukaran maklumat teknik kepakaran. menggalakkan pelancongan untuk meningkatkan ekonomi Negara serta menggalakkan pelaburan syarikat asing ke Malaysia.
- Terdapat juga pertukaran tenaga pengajar dari Universiti Filipina dengan Universiti Malaya.
- Penubuhan ZOPFAN.
- Perjanjian SEANWFZ untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara yang bebas dari nuclear.
- Menguatkuasakan Undang-undang.

Pilihan 6

**Bincangkan isu dan masalah yang dihadapi oleh ASEAN.**

Isu dan masalah yang dihadapi oleh ASEAN ialah:

- Isu pelarian Rohingya di Myanmar
- Isu tuntutan Pulau Batu Putih oleh Singapura
- Pencerobohan Lahad Datu oleh militan Suluk
- Kemiskinan Negara anggota – Vietnam, Kemboja, Myanmar
- Kebanjiran PATI ke Negara Malaysia
- Isu membakar bendera Negara lain
- Dadah
- Pemerdagangan orang
- Pencerobohan perairan antarabangsa

### **Nyatakan cara- cara untuk mengatasi isu/masalah**

Cara- cara untuk mengatasi isu/masalah ialah :

- Perundingan meja bulat – peranan UNICEF
- Penyelesaian melalui Mahkamah Keadilan Antarabangsa
- Kerjasama ketenteraan antara dua Negara iaitu Malaysia dan Filipina
- Kerjasama ekonomi dalam menarik kemasukan pelabur
- Menghantar balik PATI yang datang secara tidak sah
- Menanam sikap kejiranan /muhibbah di kalangan rakyat
- Kerjasama antara Negara anggota untuk membasmi dadah
- Kerjasama ketenteraan dan dalam mengawasi pintu masuk Negara.

Pilihan 7

### **Pada pendapat anda apakah peranan generasi muda untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan bertaraf antarabangsa.**

Peranan generasi muda untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat Pendidikan bertaraf antarabangsa ialah:

- Belajar bersungguh-sungguh
- Menguasai kemahiran ICT
- Menguasai pelbagai bidang ilmu
- Berfikiran positif
- Berpandangan jauh
- Pendidikansepanjang hayat
- Mengelakkan budaya negatif
- Mengikuti program berkembar dengan university luar Negara
- Mengikutikursur-kursus bertaraf antarabangsa
- Bersaingdengan pelajar-pelajar antarabangsa
- Bertukar/berkongsi kemahiran dengan Negara lain
- Menyokong usaha kerajaan menjadikan Malaysia hub pendidikan
- Mengamalkan sikap terbuka
- Memupuk jatidiri yang cemerlang

## 7. MENYATAKAN NILAI-NILAI MURNI

### Pilihan 1

**Nyatakan nilai-nilai murni yang boleh dicontohi daripada sifat keterbukaan Malaysia mendepani hubungan serantau.**

**Nilai-nilai murni** yang patut dicontohi daripada sifat keterbukaan Malaysia ialah:

- bekerjasama
- bertolak ansur/toleransi
- saling membantu
- kemaufakatan
- berdaya saing
- mengamalkan semangat kejiranan yang luhur
- mengutamakan perpaduan serantau
- berfikiran terbuka
- memupuk sikap hormat menghormati
- menjalin hubungan diplomatic

### Pilihan 2

**Apakah nilai-nilai murni yang perlu diamalkan untuk membolehkan wilayah serantau berada dalam aman dan harmoni.**

**Nilai-nilai murni** yang perlu diamalkan untuk membolehkan wilayah serantau berada dalam aman dan harmoni ialah:

- tolong menolong
- berpandangan jauh
- bekerjasama
- mengutamakan rundingan/musyawaharah
- bertolak ansur/toleransi
- saling membantu
- menghormati hak orang lain
- kemaufakatan
- berdaya saing
- mengamalkan semangat kejiranan yang luhur
- mengutamakan perpaduan serantau
- berfikiran terbuka

- memupuk sikap hormat menghormati
- menjalin hubungan diplomatic

### Pilihan 3

#### **Apakah ciri-ciri kepimpinan yang mampu mewujudkan kecemerlangan ekonomi serantau.**

**Ciri-ciri kepimpinan** yang mampu mewujudkan kecemerlangan ekonomi serantau ialah:

- berani menghadapi cabaran
- bersifat proaktif
- kreatif dan inovatif
- pembangunan dan penyelidikan (R & D)
- bijaksana/pandai menilai
- cekal/gigih/tabah
- tolong menolong
- berpandangan jauh
- bekerjasama
- mengutamakan rundingan/musyawaharah
- bertolak ansur/toleransi
- saling membantu
- menghormati hak orang lain
- kemaufakatan
- berdaya saing
- mengamalkan semangat kejiranan yang luhur
- mengutamakan perpaduan serantau
- berfikiran terbuka
- memupuk sikap hormat menghormati
- menjalin hubungan diplomatik

### **SOALAN 8: RUMUSAN**

#### **Pengetahuan yang diperolehi**

- Malaysia mengambil usaha-usaha yang positif untuk menjalin hubungan dengan negara-negara serantau
- Malaysia mengamalkan dasar terbaik-baik dengan semua negara
- Pemimpin negara kita sentiasa mengambil inisiatif untuk menyelesaikan sebarang masalah dengan cara perundingan
- Malaysia menjalin hubungan dengan negara luar sejak Kesultanan Melayu Melaka

-Perdagangan Malaysia maju kerana hubungan yang baik dengan negara jiran

### **Iktibar kepada diri**

- sentiasa berunding antara satu sama lain untuk menyelesaikan masalah
- Menjaga keharmonian negara
- Meningkatkan pengetahuan sejarah untuk mengkaji budaya negara lain untuk menjalin hubungan dua hala

### **Iktibar kepada bangsa**

- Rakyat Malaysia perlulah mengamalkan nilai-nilai murni untuk menjaga keamanan
- Rakyat Malaysia perlulah berfikiran positif demi kemajuan negara
- Masyarakat perlu mengamalkan budaya bersaing untuk memajukan ekonomi negara

### **Iktibar kepada negara**

- Malaysia harus menjalin hubungan dengan semua negara untuk menjaga kepentingan politik, ekonomi dan sosial
- Kestabilan politik menjamin kedaulatan negara
- Negara yang bijak menyelesaikan konflik tanpa pertumpahan darah dipandang tinggi oleh negara lain

### **Harapan kepada masa depan Malaysia yang lebih cemerlang**

- Harapan saya ialah Malaysia akan menjadi contoh kepada negara lain dalam mengekalkan keamanan
- Malaysia akan muncul sebagai negara yang maju selaras dengan hasrat wawasan 2020
- Menambahkan kejayaan ekonomi diperingkat antarabangsa melalui hubungan bilateral dan multilateral
- Dapat memimpin dunia dalam menyelesaikan konflik antarabangsa

Guru Cemerlang Sejarah Selangor 2013